

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN**

**DARIPADA** : **YB TUAN OSCAR LING CHAI YEW**  
**[ SIBU ]**

**SOALAN** :

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ SibU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) perkhidmatan Uber, GrabCar, Myteksi, teksi biasa pada tahun 2012, 2013, 2014, 2015, 2016, jumlah pemandu dan kereta terlibat; dan
- (b) anggaran penguntungan dan pasaran setiap perkhidmatan dan pecahan mengikut negeri.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Pada masa ini, terdapat seramai 54,023 pemandu teksi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.).
2. Manakala jumlah kenderaan teksi yang berdaftar pada tahun 2013 hingga 2016 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>BILANGAN TEKSI</b>
2013	43, 360
2014	44, 188
2015	44, 029
2016	44, 092

3. Sementara itu, tiada statistik berhubung maklumat berhubung Uber atau Grabcar kerana perkhidmatan-perkhidmatan tersebut pada masa ini adalah tidak didaftarkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' HAJI MAHFUZ  
BIN OMAR [ POKOK SENA ]**

**SOALAN :**

**YB Dato' Haji Mahfuz bin Omar [ Pokok Sena ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan:-**

- (a) berapakah jumlah pelantikan jawatan yang bukan Menteri tetapi diberi taraf Menteri dan nyatakan senarai nama, jawatan dan gaji serta elaun yang diperoleh setiap bulan; dan
- (b) apakah keperluan pelantikan dan tugas-tugas yang dilakukan serta sejauh mana sumbangan mereka untuk negara.

**SULIT**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Seramai sembilan (9) orang Duta Khas dan Penasihat telah dilantik seperti berikut:

1. YBhg. Dato' Seri Dr. Abdullah Bin Md Zin, Penasihat Agama kepada YAB Perdana Menteri;
2. YBhg. Dato' Seri Zainal Abidin bin Osman, Penasihat Khas kepada YAB Perdana Menteri Mengenai Wilayah Ekonomi Koridor Utara;
3. YBhg. Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, Penasihat Hal Ehwal Sosial dan Kebudayaan Kepada Kerajaan Malaysia;
4. YB Tan Sri Ong Ka Ting, Duta Khas Perdana Menteri ke Republik Rakyat China;
5. YBhg. Dato' Seri Tiong King Sing, Duta Khas Perdana Menteri ke Asia Timur merangkumi Jepun, Korea Selatan dan Taiwan;
6. YBhg. Dato' Seri S.Samy Vellu, Duta Khas ke India dan Asia Selatan Dalam Bidang Infrastruktur;

## SULIT

7. YBhg. Dato' Sri Shahrizat Binti Abdul Jalil, Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Ikhtisas Wanita; dan
8. YB Datuk Seri Shaziman Bin Abu Mansor, Penasihat YAB Perdana Menteri.
9. YBhg. Dato' Sri Idris Jala, Penasihat Program Transformasi Negara

Kerajaan hanya membayar gaji dan elaun mengikut kelayakan masing-masing berdasarkan kepakaran yang diberikan

- (b) Perlantikan mereka diberi berdasarkan pengalaman serta kepakaran dalam bidang tertentu di dalam membantu kerajaan melaksanakan program-program yang telah dipertanggungjawabkan. Selain itu mereka mempunyai hubungan kerjasama yang baik dengan negara-negara lain berdasarkan bidang tugas dan pengalaman mereka sebelum ini.

Sekian. Terima kasih.